

**TALKING POINT  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**WEBINAR “BUDAYA DIGITAL: CABARAN  
DAN IMPLIMENTASI DALAM**

# **PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KOPERASI”**

**25 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**10.00 PAGI**

**SECARA ZOOM MEETING**

---

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'alla Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1Koperasi, Salam Keluarga  
Malaysia.

YBrs. Datuk. Hj. Mohamad Ali Hasan  
Anggota Lembaga ANGKASA  
merangkap moderator webinar ini

YBhg. Prof. Madya Ts Dr. Hj. Saiful Farik  
Mat Yatin  
Pensyarah  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi Mara

En. Azam Sulaiman  
Pengarah  
Bahagian Dasar Dan Perancangan  
Pembangunan  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Wakil-wakil koperasi,

Warga kerja ANGKASA

Dato-Dato' /Datin-Datin/Tuan-  
Tuan/Puan-Puan  
Yang dihormati sekalian.

---

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat

Allah SWT yang memberi peluang kepada kita, untuk sekali lagi bersama-sama mengikuti Program Webinar yang bertajuk “Budaya Digital: Cabaran dan Implimentasi Dalam Pentadbiran & Pengurusan Koperasi”.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang mengikuti program ini, walau di mana jua anda berada.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga, saya ucapkan kepada panel-panel jemputan, En.



Azam Sulaiman, Prof. Madya Ts Dr. Hj. Saifuk Farik Mat Yatin dan Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan selaku moderator kerana sudi menjayakan webinar ini.

**Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian**

4. Untuk makluman, webinar ini merupakan program anjuran Bahagian Kepimpinan Modal Insan dan Pembangunan Keusahawanan ANGKASA. Webinar ini berfokuskan kepada perbincangan isu-isu semasa yang menjadi cabaran dan kekangan terhadap pentadbiran dan pengurusan

koperasi. Ianya juga memberi ilmu dan pengetahuan kepada semua koperator di seluruh Malaysia untuk sama-sama bergerak aktif ke arah kecemerlangan koperasi.

5. Justeru dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik ANGKASA.

6. Fokus program adalah isu-isu semasa dan dasar-dasar baru yang ada impak kepada gerakan koperasi. Ini penting untuk koperasi mendapat info yang tepat daripada pihak yang

bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan koperasi.

7. Topik “Budaya Digital: Cabaran dan Implimentasi Dalam Pentadbiran & Pengurusan Koperasi” kali ini penting untuk koperasi bergerak ke hadapan dengan lebih efisien. Pada hari ini,

pendigitalan telah mengubah masyarakat dan industri untuk bertindak balas dengan pasaran dengan pantas dan berkesan untuk mendapat manfaat daripada ekonomi digital yang sedang berkembang pesat.

8. Pelaksanaan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 memberi peluang dan potensi yang besar untuk direbut koperasi. Pelan ini, berhasrat untuk menjadikan ASEAN sebuah komuniti dihubungkan secara digital dengan menggariskan lapan matlamat keberhasilan dalam usaha menjadikan

ASEAN sebagai blok peneraju komuniti dan ekonomi digital. Antaranya meningkatkan perkhidmatan digital perniagaan dan menggalakkan perdagangan rentas sempadan.

9. Pelan ini dapat membantu semua negara ASEAN menjadi sebahagian



ekonomi digital yang sedang berkembang di rantau ini yang dianggarkan menyumbang lebih USD\$240 bilion dalam tempoh 5 tahun akan datang. Menurut Laporan daripada Temasik Holdings dan Bain & Co, merekodkan nilai ekonomi digital rantau ASEAN berjumlah USD\$100 bilion

pada 2019. Nilai ini dijangka meningkat kepada USD\$300 bilion menjelang 2025.

10. Bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk tranformasi digitalisasi, ANGKASA telah diberi kepercayaan untuk membangunkan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi dengan usahasama

Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Institut Koperasi Malaysia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

11. Krisis pandemik Covid-19, secara tidak langsung telah mempercepatkan lagi proses peralihan ekonomi sedia ada

kepada ekonomi digital. Kebanyakan negara di rantau ini, menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi digital. Di Malaysia, kadar penyertaan perniagaan dalam platform digital setakat 1 Mac hingga 31 Oktober 2020, sebanyak 373,213 entiti perniagaan didaftarkan di bawah

Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi kategori dalam talian, dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

12. Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), mengatakan Malaysia

berada di landasan untuk mencapai sumbangan ekonomi digital kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekurang-kurangnya 25.5 peratus menjelang 2025.

13. Kadar penyertaan aktiviti ekonomi bersifat maya yang

menggunakan aplikasi digital juga dilihat semakin meningkat. Shopee dan Lazada, platform membeli belah dalam talian terkemuka di Malaysia. Kira-kira 91 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna internet aktif dan penduduknya mempunyai kadar penggunaan telefon bimbit yang tinggi.

Dengan jumlah penduduk sekitar 30 juta, Malaysia adalah pasaran e-dagang yang menarik di Asia Tenggara kerana ekonominya yang berkembang pesat dan infrastruktur canggih untuk teknologi digital berkembang.



14. Jelas, penggunaan teknologi digital adalah naratif semasa dan gaya hidup norma baharu. Justeru, koperasi perlu merebut manfaat yang wujud dari ekosistem digital yang sedang dibangunkan di peringkat negara dan ASEAN.

# **Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian**

15. Pandemik telah mengubah tata laku pelanggan dan perniagaan termasuk koperasi. Justeru koperasi perlu berubah. Koperasi perlu mengubah

*mindset*, kreatif dan inovatif dalam menjalankan perniagaan. Teknologi menjadi alat penting untuk koperasi meningkatkan tahap kecekapan dan daya saing. Koperasi harus berasaskan digital sebagai syarat untuk berperanan lebih besar dalam ekonomi negara.

16. Membuat reformasi total perlu bagi koperasi agar dapat menempuhi cabaran revolusi 4.0 dan mampu beradaptasi dan berinteraksi secara dinamik.

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada

panel jemputan, moderator dan semua peserta yang mengikuti program ini. Semoga program ini dapat memberi impak pendigitalan kepada gerakan koperasi.

18. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmannirrahim, saya

merasmikan program Webinar yang bertajuk “Budaya Digital: Cabaran dan Implimentasi Dalam Pentadbiran & Pengurusan Koperasi” pada hari ini.

Sekian, terima kasih.